

JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT

Rujukan: UKM.BEN 200-5/6/1

Tarikh: 30 Januari 2020

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN BERKAITAN KEMUDAHAN DAN PROSES TUNTUTAN PERLINDUNGAN INSURAN KEMALANGAN DIRI KAKITANGAN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Surat edaran ini bertujuan memaklumkan kepada semua kakitangan berkaitan kemudahan dan proses tuntutan perlindungan Insuran Kemalangan Diri bagi kakitangan di UKM.
3. Untuk makluman, UKM telah membeli perlindungan insuran kemalangan diri (*Group Personal Accident*) dari syarikat Insuran Takaful Malaysia, terhad kepada 1157 orang kakitangan, sehingga 28 Februari 2022. Perincian perlindungan insuran adalah seperti berikut;
 - a) Perlindungan insuran ini meliputi kemalangan maut, hilang keupayaan secara kekal, hilang keupayaan penuh sementara, hilang keupayaan separuh kekal dan kematian disebabkan kemalangan. Perlindungan juga merangkumi Perbelanjaan Pengebumian, Perbelanjaan Perubatan dan Perbelanjaan Pengiriman Semula;
 - b) Lokasi kemalangan adalah di seluruh Malaysia termasuk di luar negara; dan
 - c) Proses tuntutan perlu dikemukakan kepada Bahagian Pentadbiran, Jabatan Bendahari untuk tindakan selanjutnya kepada pihak insuran Takaful Malaysia. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti Lampiran A. Kelulusan dan jumlah pampasan insuran adalah tertakluk kepada semakan dan penelitian pihak insuran Takaful Malaysia.
4. Sukacitanya sekiranya YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dapat menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



NORINTI BINTI MOHAMAD

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia



BAHAGIAN PENTADBIRAN, JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 5032 / 4384 E-mel: bndhari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal ehwal Akademik dan Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi & Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan & Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian dan Kesihatan Pekerjaan
 - Pendaftar UKM
 - Ketua Bahagian Aset, Jabatan Bendahari UKM



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

BAHAGIAN PENTADBIRAN, JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 5032 / 4384 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my